



MENTERI Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad hadir menyerahkan bantuan TH kepada 20 IPTA di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat semalam.

TH bantu 30,000 penuntut IPTA

PETALING JAYA – Lembaga Tabung Haji (TH) semalam menyalurkan sumbangan RM600,000 kepada 20 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terpilih di seluruh negara melalui Program Iqra' TH IPTA 2022.

Dana berkenaan akan diagihkan kepada lebih 30,000 penuntut IPTA dalam kalangan keluarga asnaf atau kurang berkemampuan terutamanya masyarakat pedalaman, luar bandar dan miskin bandar.

Pengarah Urusan dan Ketua

Pegawai Eksekutif Kumpulan TH, Datuk Seri Amrin Awaluddin berkata, Program Iqra' TH merupakan salah satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang akan memanfaatkan penuntut dalam kalangan B40.

"Kami berharap sumbangan ini dapat meringankan beban kewangan dan memudahkan urusan penuntut IPTA dalam meneruskan pembelajaran mereka sehingga tamat pengajian dan seterusnya dapat mengubah taraf hidup ekonomi keluarga.

"Sumbangan CSR TH yang terbesar ini seterusnya diharapkan dapat melahirkan mahasiswa komited, berkualiti, berdaya saing di semua peringkat dan menjadi insan cemerlang pada masa hadapan," katanya dalam satu kenyataan.

Program Iqra' TH pada mulanya hanya tertumpu kepada pelajar sekolah rendah dan kini telah diperluaskan kepada pelajar asnaf dan B40 yang mengikuti pengajian di peringkat menara gading.

Kosmo 27/10